

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 34

Pendapatan e-dagang 2023 berjumlah RM1.2 trilion


## Pendapatan e-dagang 2023 berjumlah RM1.2 trilion

**PETALING JAYA:** Pendapatan e-dagang negara pada tahun lalu berjumlah RM1.2 trilion, meningkat 4.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Uzir Mahidin pada suku keempat 2023, e-dagang mencatatkan pendapatan sebanyak RM291.9 bilion, tumbuh 1.7 peratus tahun ke tahun dan meningkat secara marginal 0.8 peratus suku ke suku tahun.

"Jumlah pekerja dalam sektor ini seramai 4.4 juta orang, meningkat 79,300 orang atau 1.8 peratus tahun-ke-tahun.

"Kenaikan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 40,400 orang atau 2.1 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan (+15,100 orang; 4.2 peratus). Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja tumbuh 0.5 peratus, meningkat 23,400 orang," katanya dalam kenyataan.



**PERNIAGAAN e-dagang terus merekodkan pertumbuhan memberangsangkan. - GAMBAR HIASAN**

Dalam pada itu, Mohd. Uzir memberitahu, jumlah hasil keseluruhan sektor perkhidmatan pada 2023 adalah sebanyak RM2.3 trilion, meningkat 8.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: RM2.1 trilion). Prestasi itu disumbangkan

oleh oleh subsektor Perdagangan Borong dan Runcit; Pengangkutan dan Penyimpanan serta Maklumat dan Komunikasi yang masing-masing meningkat 7.7 peratus (+RM119.1 bilion), 15.8 peratus (+RM20.4 bilion) dan 5.3 peratus (+RM8.6 bilion) berbanding 2022.

"Namun begitu, terdapat beberapa subsektor yang masih belum melepasi nilai hasil sebelum pandemik (2019) iaitu Makanan dan Minuman (-1.4 peratus); Kesenian, Hiburan dan Rekreasi (-24.4 peratus) dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti (-23.9 peratus)," katanya.

Menurut Mohd. Uzir, hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.6 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun keempat 2023 berjumlah RM591.4 bilion, disumbangkan oleh prestasi yang menggalakkan bagi semua segmen di bawah sektor Perkhidmatan.

Katanya, peningkatan ketara

dicatatkan oleh segmen Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan dan Minuman serta Pengangkutan yang meningkat RM25.1 bilion kepada RM450.9 bilion.

"Ia diikuti segmen Maklumat dan Komunikasi dan Pengangkutan da Penyimpanan (+RM6.1 bilion; 8.1 peratus), segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran dan Khidmat Sokongan (+RM3.1 bilion; 8.8 peratus) dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan dan Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti (+RM2.3 bilion; 12.3 peratus)," katanya.

Mohd. Uzir berkata, perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil merekodkan kenaikan 1.3 peratus (+RM7.3 bilion) berbanding suku tahun ketiga 2023.

Sementara itu, gaji dan upah yang dibayar mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.0 bilion atau 3.3 peratus tahun-ke-tahun, katanya.